

GARIS PANDUAN KEPADA PEMERIKSA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TINGKATAN 5, 2013 BAHASA MELAYU

BAHAGIAN A

Gambar rajah di bawah menunjukkan sebahagian daripada faedah melancong.

Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah melancong. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Diharapkan : calon dapat menghuraikan faedah-faedah melancong

- Merapatkan hubungan kekeluargaan
- Menambahkan maklumat dan ilmu
- Menghilangkan tekanan atau stres

BAHAGIAN B

Soalan 1

Sebagai setiausaha sidang redaksi majalah sekolah, anda ditugaskan untuk menyediakan satu laporan tentang Hari Kokurikulum yang diadakan di sekolah anda.

Sediakan laporan itu selengkapnya.

Diharapkan : Calon dapat menulis sebuah laporan tentang Hari Kokurikulum yang diadakan di sekolah.

Format : Laporan

- Tajuk - 1 markah
- Tandatangan / Nama penulis - 1 markah

Jikatiadaformat : tolak 2 markahmaksimum

Cadangan idea:

- Pengenalan, contohnya : Tajuk, tarikh, tempat
- Aktiviti berkaitan Hari Kokurikulum
contoh : Pameran, demonstrasi, gerai-gerai jualan dan sebagainya
- Aktiviti perkhemahan, contoh: pertandingan kekemasan khemah, gajet, kawad kaki dan lain-lain
- Perasmian penutup-penyampaian hadiah

Soalan 2

Ibu bapa menjaga anak-anak dengan penuh kasih sayang, namun apabila anak-anak meningkat remaja ada antara mereka yang terlibat dengan pelbagai masalah sosial.

Jelaskan faktor-faktor yang mendorong berlakunya keadaan sedemikian.

Diharapkan : Calon dapat menjelaskan faktor-faktor yang mendorong berlakunya keadaan sedemikian.

Cadangan idea:

- sikap ibu bapa yang menganggap anak sudah besar dan boleh berdikari
- anak menganggap diri mereka sudah dewasa / besar
- anak-anak mahukan kebebasan / tidak mahu dikongkong
- lebih terpengaruh dengan rakan sebaya
- dipengaruhi oleh media massa
- terpengaruh dengan gaya hidup masyarakat kini

Soalan 3

Gejala rasuah dalam masyarakat boleh membawa banyak kesan negatif seperti menafikan hak rakyat serta menjejaskan imej negara.

Huraikan langkah-langkah yang boleh diambil untuk menangani gejala ini.

Diharapkan : Calon dapat menulis tentang langkah-langkah yang boleh diambil untuk menangani gejala rasuah

Cadangan idea:

- Pendekatan agama
- Didikan awal-berakhlak mulia daripada keluarga
- Melalui pendidikan di sekolah
- Peranan masyarakat
- Peranan kerajaan-melalui kempen dan peranan badan-badan bertanggungjawab
- Peranan media massa
- Penguatkuasaan undang-undang

Soalan 4

Pergolakan dan peperangan yang berlaku di sesebuah negara bukan sahaja menjejaskan keamanan negara tersebut malahan turut menjejaskan negara-negara serantau.

Ulasakan peranan yang boleh dimainkan oleh pemimpin-pemimpin dan pertubuhan-pertubuhan di peringkat serantau dan dunia untuk menangani krisis ini.

Ulasakan.

Diharapkan :Calon dapat menulis tentang peranan yang boleh dimainkan oleh pemimpin-pemimpin dan pertubuhan-pertubuhan di peringkat serantau dan dunia untuk menangani krisis ini.

Cadangan idea:

- Kerjasama politik
- Kerjasama ketenteraan di sempadan
- Kerjasama pemimpin-pemimpin negara dengan pemimpin negara yang bergolak
- Bantuan ketenteraan-sebagai pasukan pengaman antarabangsa
- Peranan pertubuhan-pertubuhan serantau dan dunia seperti PBB, OIC, NAM, ASEAN dan lain-lain

Soalan 5

Sesebuah karya sastera memang kaya dengan nilai-nilai murni yang dapat membentuk peribadi mulia dan mampu dijadikan pedoman serta teladan dalam kehidupan seseorang.

Berikan pendapat anda tentang pernyataan tersebut.

Diharapkan :Calon dapat menulis tentang karya sastera yang dapat membentuk peribadi mulia dan mampu dijadikan pedoman serta teladan dalam kehidupan seseorang.

Cadangan idea:

- Nilai tanggungjawab
- Nilai kasih-sayang
- Nilai keberanian
- Nilai baik hati
- Nilai kejujuran
- Menjauhkan diri daripada melakukan perkara-perkara negatif

* Kaitkan setiap nilai dengan karya sastera yang telah dibaca

* Terima sahaja mana-mana nilai murni yang lain dan munasabah.

SULIT

2

1103/2(PP)

Soalan 1**Pendahuluan****Markah**

Petikan membincangkan kelebihan / kebaikan / faedah / manfaat taman awam kepada masyarakat di Malaysia / di negara ini. 2

Petikan membincangkan kelebihan / kebaikan / faedah / manfaat taman awam kepada masyarakat 1

Isi Tersurat (4 – 12 markah) Kepentingan ;

1. dapat memberikan ruang yang selesa daripada impak rekreasi 2
2. dapat memberikan ruang yang selesa daripada impak keindahan alam 2
3. memberi peluang penduduk berinteraksi antara satu sama lain 2
4. membantu integrasi sosial 2
5. membantu kesejahteraan hidup rakyat. 2
6. memperoleh peningkatan tahap kesihatan melalui pelbagai aktiviti fizikal 2
7. mampu memberikan kelegaan daripada tekanan kehidupan seharian 2
8. mempengaruhi tahap kesegaran mental pengguna 2
9. membawa kepada peningkatan ekonomi setempat 2
10. dapat memulihara tanah 2
11. memberi teduhan kepada pengguna. 2
12. memainkan peranan dalam kawalan banjir 2
13. dapat membantu usaha untuk mengurangkan kesan pulau haba 2

Isi Tersirat (4 – 12 markah) Cara;

1. pengunjung sentiasa menjaga kebersihan taman / mematuhi cara penggunaan taman 2
2. bergotong-royong untuk membersihkan taman 2
3. mengadakan kempen kepentingan taman awam 2
4. penguatkuasaan undang-undang / peraturan 2

Kesimpulan

1. Kesedaran ahli masyarakat / orang ramai perlu dalam mengekalkan kewujudan taman awam demi menjamin kesejahteraan hidup masyarakat. 2
2. Rakyat perlu memberi kerjasama dalam semua usaha atau kempen yang dilaksanakan untuk menjaga kepentingan taman awam agar memberi impak yang positif kepada penduduk setempat. 2

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) - Petikan Umum

(i) Maksud *berkembang dengan pesat* ialah;

- maju / tumbuh dengan sangat cepat / pantas

[2 markah]

(ii) Tujuan asal pembangunan taman ialah;

- pengumpulan koleksi spesies tumbuhan
- untuk tujuan penyelidikan
- tujuan pendidikan
- digunakan untuk rekreasi
- bersukan

[Maksimum 3 markah]

(iii) Cara untuk menarik penduduk supaya memanfaatkan taman awam;

- membina taman awam di semua kawasan perumahan
- menyediakan prasarana / kemudahan yang sesuai untuk semua lapisan masyarakat
- menyediakan kemudahan yang mesra pengguna terutama untuk orang kurang upaya
- menyediakan kad keahlian
- menganjurkan lebih banyak acara / sambutan di taman awam

(Terima isi lain yang sesuai)

[Maksimum 4 markah]

Soalan 2 (b) Pemahaman Cerpen:

(i) Sebab aku berasa menyesal:

- ... kerana aku menjerit kuat sedikit sewaktu ibu sedang berak.
- ... kerana aku melihat pipi ibu basah kerana air mata meleleh turun akibat tersinggung dengan nada suara aku yang agak tinggi.

[2 markah]

(ii) Tiga tanggungjawab seorang anak terhadap ibu bapa:

- ... memelihara / menjaga ibu bapa ketika mereka tua/sakit.
- ... menjaga hati dan perasaan mereka / tidak menyinggung perasaan ibu dan bapa.
- ... sentiasa menziarahi/melawat ibu bapa sekiranya kita tinggal berasingan/berjauhan.
- ... sentiasa menghubungi/bertanya khabar ibu dan bapa.
- ... sentiasa menggembirakan hati ibu dan bapa.

[3 markah]

* (terima mana-mana isi lain yang sesuai)

(iii) Pengajaran dalam petikan:

- ... Sebagai seorang anak, kita hendaklah menunaikan tanggungjawab menjaga ibu yang uzur/sakit, contohnya aku dan isterinya bersama-sama menjaga ibu yang lumpuh.
- ... Kita janganlah sesekali meninggikan suara terhadap ibu atau bapa/kita janganlah sesekali menyinggung perasaan ibu dan bapa.
Contohnya, aku telah menjerit kuat sedikit sewaktu mengampu ibu yang sedang berak.

Pengajaran dalam cerpen:

- ... Kita perlulah menjaga dan memelihara alam sekitar daripada musnah. Misalnya, Sungai Ceper musnah akibat pencemaran dan pembuangan sampah sarap oleh masyarakat.
- ... Kita hendaklah bersabar dan tabah menghadapi segala dugaan yang melanda. Misalnya, ibu terus bersawah walaupun ditimpa pelbagai bencana yang disebabkan oleh Ceper itu.

[4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik

Markah

(i) Maksud rangkai kata *merosakkan kalbu*

menyiksa/membinasakan/memusnahkan/merobek/menggores
perasaan/hati/jiwa

2

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Perkara yang berlaku dalam peperangan antara jin dari gemala hikmat dengan rakyat Raja Bahrum Dewa

- berlaku peperangan yang besar 1
- suasana menjadi terang benderang 1
- suasana yang bising/gegak gempita 1
- suasana menjadi kelam kabut 1
- berlaku pertumpahan darah/banyak yang terkorban/berlaku kematian

[Maksimum : 3 markah]

(iii) Tindakan Raja Indera Bumaya melancarkan peperangan terhadap Raja Bahrum Dewa

Wajar

- Untuk mempertahankan keselamatan dirinya/kekasihnya 1
- Sebagai satu pengajaran kepada Raja Bahrum Dewa yang bertindak tanpa usul periksa 1
- Untuk membuktikan cinta dan kasihnya kepada Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi 1
- Untuk menunjukkan kehebatannya/kekuatannya 1

Tidak wajar

- Raja Bahrum Dewa merupakan bapa kepada kekasihnya 1
- Raja Indera Bumaya mencerooboh taman larangan Tuan Puteri Ratna Dewi 1
- Raja Bahrum Dewa hanya mempertahankan maruah puterinya 1
- Menjejaskan peluang Raja Indera Bumaya untuk mendapatkan Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi 1

[Maksimum : 3 markah]

(Terima mana-mana jawapan/alasan lain yang sesuai)

SULIT

6

1103/2(PP)

Soalan 2 (d) – Sajak

Markah

(i) Maksud baris:

... Perpustakaan merupakan tempat tersimpan khazanah pelbagai bidang.

[2 markah]

(ii) Empat kaedah :

- ... menuntut dengan guru ataupun belajar di pusat pengajian tinggi
- ... membuat rujukan dengan orang yang berpengalaman/berilmu
- ... melayari Internet
- ... membaca buku/buletin/akhbar/bahan bacaan
- ... menonton rancangan bermanfaat di televisyen

[4 markah]

* (terima mana-mana isi lain yang sesuai)

(iii) Tiga persoalan dalam sajak

- ... Persoalan kegigihan dalam menuntut ilmu, misalnya penyajak gigih dan tidak pernah jemu meneroka ilmu di perpustakaan.
- ... Persoalan kerajinan dalam menuntut ilmu, contohnya penyajak rajin berkunjung ke perpustakaan untuk menimba ilmu.
- ... Persoalan cinta akan ilmu pengetahuan, buktinya penyajak sentiasa meneroka pelbagai ilmu yang terdapat dalam bahan bacaan di perpustakaan itu.

[3 markah]

* (terima mana-mana isi lain yang sesuai)

Soalan 3

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : 6 markah

Soalan 3(b) : 6 markah

Soalan 3(c) : 6 markah

Soalan 3(d) : 6 markah

Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi Soalan 3(a)

Beri 1 markah bagi setiap ayat yang betul. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / isi yang tidak begitu jelas bagi keseluruhan markah jawapan.

1. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
2. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
3. Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh 1 markah
4. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
5. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
6. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya
7. Isi tidak jelas, tolak ½ markah.
8. Sengaja menambah imbuhan atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.

Jawapan 3 (a) :

(i) tunjuk - : menampakkan diri, mengarahkan jari telunjuk, menunjukkan.

Ayat contoh : " Cikgu tolong tunjuk bagaimana saya hendak selesaikan latihan matematik ini"
Kata Mauzah kepada cikgu Mashitah.

(ii) petunjuk - : sesuatu yang menunjuk, tanda, isyarat, memberitahu sesuatu, ketentuan, ajaran, nasihat, tunjuk ajar, bisikan hati, ilham, panduan.

Ayat contoh : Kejadian semalam merupakan petunjuk sesuatu yang tidak baik akan berlaku.

(iii) penunjuk - : alat untuk menunjuk, orang yang menunjuk, menunjukkan, panduan, peringatan, rujukan .

Ayat contoh : Mahukah kamu menjadi penunjuk jalan kepada kami?

(iv) jelas - : terang, nyata, habis, selesai, beres, tidak kabur.

Ayat contoh : Keterangan yang diberikan itu tidak begitu jelas.

(v) menjelaskan - : menerangkan, menghuraikan, menyatakan, menyelesaikan, menghabiskan, membereskan.

Ayat contoh : Guru menjelaskan kepada kami bahawa kejadian jerebu adalah disebabkan oleh pembakaran yang dilakukan secara terbuka.

(vi) penjelasan - : keterangan, penyelesaian, huraian

Ayat contoh : Emak meminta penjelasan daripada adik sebab dia lewat dari sekolah.

[Maksimum : 6 markah]

SULIT

8

1103/2(PP)

Jawapan 3 (b) :

Mashitah :	Mauzah, aku bercadang mengikuti kursus perniagaan yang dianjurkan pihak kerajaan pada bulan ini.	1 markah
Mauzah :	Bagus tu, aku menyokong penuh niat kau tu. Bila kau masuk kursus tu, pasti kau akan dapat menimba ilmu pengetahuan tentang selok belok perniagaan.	2 markah
Mashitah :	Aku betul-betul berhasrat menjadi ahli perniagaan yang terkenal suatu hari nanti	1 markah
Mauzah :	Aku yakin kau mampu untuk mencapai cita-cita dan sebagai kawan aku sentiasa mendoakan kejayaan kau.	1 markah
Mashitah :	Terima kasih Mauzah atas sokongan kau tu.	1 markah

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (c) :

(i)	di hargai tulisan	-	dihargai penulisan
(ii)	bekerja sama mengada	-	bekerjasama mengadakan
(iii)	kolestrol menyerang	-	kolesterol diserang

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (d) :

(i)	jambu merah terma	-	merah jambu tema
(ii)	tertunai biji	-	berhasil/ tercapai / berjaya buah
(iii)	petani dari	-	peladang daripada

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (e) :

(i) *mencurah air di daun keladi*

Maksudnya : memberi nasihat tetapi tidak diterima oleh orang yang mendengarnya.

Ayat contoh : Segala nasihat yang diberikan oleh guru dan ibu bapanya ibarat *mencurah air di daun keladi* kerana dia langsung tidak berubah.

(ii) *mengambil hati*

Maksud : memikat hati, berasa tersinggung, berasa kecil hati.

Ayat contoh : Ibu menasihati Ali agar tidak *mengambil hati* atas nasihat yang diberikan oleh abangnya.

(iii) *kalau tak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya*

Maksud : melakukan sesuatu kerja bersungguh-sungguh barulah akan berjaya

Ayat contoh : Ahmad sentiasa diingatkan oleh bapanya agar berusaha bersungguh-sungguh sekiranya mahu berjaya kerana *kalau tak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya*.

[Maksimum : 6 markah]